


BAHAGIAN PELESENAN	GARIS PANDUAN PERNIAGAAN RESTORAN MELETAKKAN MEJA MAKAN DI ATAS JALAN HADAPAN, SISI KEDAI ATAU LOT PERSENDIRIAN DAN DI ATAS KAKI LIMA PREMIS	SL 01	
--------------------	---	-------	---

Syarat – syarat yang perlu dipatuhi untuk meletakkan meja makan di atas jalan hadapan, sisi kedai atau lot persendirian :

1. Jalan-jalan yang boleh dibenarkan ialah jalan-jalan hadapan atau sisi kedai yang melebihi 20 kaki lebar, tidak di jalan besar atau protocol dan kebenaran hanya untuk tepi longkang atau sisi kedai sahaja setakat **GARISAN TEMPAT LETAK KERETA**.
2. Masa yang dibenar meletakkan meja hanya bermula jam 7.00 malam hingga jam 5.00 pagi.
3. Peniaga bertanggungjawab mengawasi tiada kenderaan atau halangan di letakkan di tempat selepas kawasan meletak meja yang dibenarkan yang boleh menghalang laluan awam. Sekiranya ini berlaku, pelesen restoran boleh diambil tindakan undang-undang.
4. Sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku akibat daripada meletakkan meja di luar ini adalah menjadi tanggungjawab pelesen atau pengusaha restoran.
5. Restoran yang dibenarkan hanyalah restoran biasa, tidak premis bir.
6. Aktiviti memasak tidak dibenarkan dilakukan di luarr premis (kaki lima, di atas jalan).
7. Pelesen hendaklah menyediakan satu tong sampah khas di sekitar tempat letak meja.
8. Setiap kali selepas berniaga tapak itu hendaklah dibersihkan.
9. Pemohon dikehendaki mengisi borang permohonan kebenaran meletakkan meja di luar seperti yang ditetapkan oleh MDTM.
10. Kebenaran untuk meletakkan meja makan adalah tertakluk kepada pihak MDTM. Kebenaran yang diberikan adalah bersifat sementara dan boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh pihak MDTM.
11. Pelesen hendaklah menjelaskan permit meletakkan meja berjumlah RM 1.00 x 1 meja x 1 hari beserta bayaran deposit berjumlah **RM 300.00 (TIGA RATUS RINGGIT)**.
12. Sekiranya kebenaran tersebut mendatangkan aduan atau kacau ganggu, dan setelah disiasat aduan adalah benar, permit boleh dibatalkan.
13. Sekiranya lokasi meletakkan meja menggunakan premis orang lain, kebenaran bertulis daripada pemilik premis berkenaan hendaklah diperolehi.
14. Pelesen hendaklah menyediakan kon keselamatan atau tanda ‘reserved parking’ di setiap lot parking yang diluluskan untuk meletak meja.